

20 AUG 1997

Kart-Lasak

LUMBA KART PIALA PERDANA MENTERI SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

LANGKAWI, 20 Ogos (Bernama) -- Seramai 160 pelumba dari 40 pasukan dalam dan luar negeri mengesahkan penyertaan pada perlumbaan tahan lasak Kart merebut Piala Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan ke-40 di litar Kart Antarabangsa Morac di sini pada 30 Ogos ini.

Perlumbaan itu anjuran MOFAZ Motorsport, anak syarikat Kumpulan MOFAZ, dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi penaung.

Presiden Kumpulan MOFAZ, Haji Mohamad Fauzy Abdul Hamid hari ini berkata, perlumbaan yang menawarkan hadiah wang RM100,000 turut disertai tiga pasukan dari Singapura, dua dari Thailand, masing-masing satu dari Belanda, United Kingdom dan Jepun manakala yang lain dari negeri-negeri di Malaysia.

Turut mengambil bahagian dua pasukan Langkawi, katanya.

Beliau berkata, para pelumba itu akan menggunakan pro-kart enjin berkembar yang disediakan oleh penganjur perlumbaan itu yang merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini.

Mohamad Fauzy berkata, sebanyak 40 pro-kart yang baru dibeli dari sebuah syarikat Itali berharga kesemuanya kira-kira RM400,000 akan disediakan.

Menurutnya, perlumbaan tanpa berhenti selama empat jam meliputi sejauh 240km itu akan membuktikan kemampuan dan kecekapan setiap pelumba.

Setiap pasukan mengandungi empat pelumba yang akan bergilir-gilir memandu, setiap pelumba tidak melebihi 40 minit. Ia bermula 3 petang dan dijadual berakhir 7 petang.

Perlumbaan itu akan menjadi acara tahunan yang dapat mempromosikan pulau peranginan ini, katanya.

Menurutnya, juara perlumbaan itu akan menerima RM40,000 naib johan RM30,000, pemenang ketiga RM20,000 dan keempat RM10,000.

Mengenai piala itu, beliau berkata piala seberat 18kg dengan 20 peratus bersalutkan emas itu dihadiahkan oleh syarikat pengeluar kart terkemuka, CRG Italy, sebagai cenderamata kepada rakyat Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Litar kart Antarabangsa Morac yang baru dibuka dan beroperasi awal tahun ini merupakan antara litar yang terkemuka dan mengukir nama terutama di negara-negara Eropah. Ia merupakan yang termoden kerana menggunakan sistem komputer.

Di litar yang berharga kira-kira RM15 juta itu telah berlangsung kejohanan Kart Prix ASEAN II pada Jun lepas yang menarik penyertaan 74 pelumba dari Singapura, Perancis, Britain, Australia, Hong Kong dan tuan rumah Malaysia.

Mohamad Fauzi berkata, penyertaan 40 pasukan, empat pemandu setiap pasukan dan empat jam tanpa berhenti mempunyai hubung kait dengan genap 40 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. -- BERNAMA

ZI NMO